

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/03/8 - 13

### **TIADA TINDAKAN AUDIT DAN SIASATAN SEKIRANYA SERTAI PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS)**

Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia di dalam pembentangan Belanjawan 2019 pada tahun lalu, kerajaan komited dalam usaha mensejahterakan rakyat serta mengurangkan ketirisan hasil negara. Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah melancarkan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) bermula pada 3 November 2018 dan akan tamat pada 30 Jun 2019. PKPS menawarkan pengurangan kadar penalti daripada 300% kepada 10% sekiranya pengakuan dibuat di dalam fasa pertama iaitu 3 November 2018 sehingga 31 Mac 2019, seterusnya pengurangan kadar penalti kepada 15% sekiranya pengakuan dibuat di dalam fasa kedua yang bermula 1 April 2019 sehingga 30 Jun 2019.

Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan lebih daripada 100 buah negara di bawah inisiatif Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* berhubung maklumat kewangan, khususnya pemilikan akaun bank dan telah mula menerima maklumat ini mulai bulan September 2018. Sehingga kini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menerima lebih daripada 455,000 bilangan akaun bank yang telah dibuka oleh rakyat Malaysia yang diterima daripada 57 buah negara. Oleh yang demikian, PKPS menawarkan penyelesaian cukai kepada mereka yang mempunyai akaun bank di luar negara hasil daripada pendapatan yang dijana dari dalam Malaysia tetapi pendapatan tersebut masih belum dilaporkan kepada LHDNM.

Surat dan e-mel pemakluman kepada pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar negara juga sedang dalam proses untuk dikeluarkan oleh LHDNM. Justeru, kerajaan menyeru kepada pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar negara yang menerima surat pemakluman dari LHDNM ini agar segera tampil di mana-mana cawangan LHDNM untuk memberikan penjelasan dan seterusnya menyertai PKPS sekiranya perlu.

Namun pada masa yang sama, kerajaan mengalu-alukan pengakuan sukarela (jika ada) daripada pembayar cukai yang tidak mempunyai akaun di luar

negara tetapi masih mempunyai pendapatan yang dijana dari dalam Malaysia dan masih belum lagi dilaporkan kepada LHDNM. Pembayar cukai di dalam kategori ini masih lagi layak untuk menikmati pengurangan penalti kepada 10% atau 15%, sekiranya menyertai PKPS.

Sehingga kini, lebih 225 ribu pembayar cukai telah menyertai PKPS dalam fasa pertama yang akan tamat pada 31 Mac 2019. Oleh itu, pembayar cukai dinasihatkan agar segera merebut peluang yang ditawarkan dan tidak menunggu sehingga ke saat terakhir program ini.

Kepada mereka yang telah membuat pengakuan sukarela melalui program ini bagi pelaporan Tahun Taksiran 2017 dan Tahun-tahun Taksiran sebelum ini, LHDNM akan menerima pengakuan yang telah dibuat ini dengan **suci hati dan tindakan audit atau siasatan tidak akan dijalankan pada masa hadapan** bagi tempoh pengakuan sukarela tersebut.



Untuk sebarang keterangan lanjut, sila :

- i. Kunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;
- ii. Hubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara); atau
- iii. e-mel pertanyaan kepada: [pengakuansukarela@hasil.gov.my](mailto:pengakuansukarela@hasil.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Sabin bin Samitah**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
**8 Mac 2019**

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Sila hubungi:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube